

# PEMBANGUNAN WAQAF PENDIDIKAN DI IPT MALAYSIA: SATU ALTERNATIF UNTUK MENGURANGKAN KOS PENGAJIAN

## *DEVELOPMENT OF WAQF IN EDUCATION AT MALAYSIAN IPT: AN ALTERNATIVE TO REDUCE EDUCATIONAL EXPENSES*

Wan Azmi Bin Wan Ahmad<sup>1</sup>  
Muhammad Muzakir Bin Othman@Seman<sup>2</sup>  
Mohd Hafiz Bin Abdul Wahab<sup>3</sup>  
Norhasimah Binti Shaharuddin<sup>4</sup>

### ABSTRAK

Peningkatan taraf hidup masyarakat turut memberikan impak ke atas kos melanjutkan pengajian di institusi pengajian tinggi, baik di institusi pengajian tinggi awam (IPTA) maupun swasta (IPTS). Bagaikan satu fenomena, bebanan kos pengajian ini terpaksa ditanggung oleh para pelajar melalui pinjaman pendidikan yang diperoleh dari badan-badan kerajaan pusat ataupun negeri, bank dan juga badan-badan korporat. Hal ini bukanlah suatu yang baik kerana para pelajar tidak sepatutnya dibebankan dengan hutang untuk mendapatkan pendidikan. Apatah lagi, menurut Islam tanggungjawab ini perlu dipikul oleh ibubapa. Sudah tiba masanya masyarakat Islam mengkaji semula peranan yang boleh dimainkan oleh institusi waqaf justeru sejarah telah mencatatkan bahawa institusi wakaf telah banyak memainkan peranan yang sangat signifikan sebagai salah satu mekanisme yang berkesan untuk meningkatkan kualiti hidup umat Islam dalam pelbagai bidang kehidupan termasuklah pendidikan. Kajian ini akan memberi tumpuan kepada peranan institusi wakaf dalam mengurangkan beban kewangan pelajar sepanjang pengajian mereka di institusi pengajian tinggi di Malaysia. Dengan membangunkan sistem wakaf pendidikan di institusi pendidikan tinggi awam dan swasta, sebahagian kos pengajian ini boleh dialihkan daripada bebanan para pelajar tanpa menjejaskan kewangan IPT berkenaan.

**Kata Kunci:** Wakaf Pendidikan, Kos Pengajian, Institut Pengajian Tinggi.

### 1. PENDAHULUAN

Walaupun Rasulullah s.a.w. adalah seorang yang *ummiy* tetapi baginda sangat memberikan perhatian kepada aspek pendidikan. Tidak dapat dinafikan bahawa pendidikan pada waktu itu lebih bersifat tidak formal kerana kebanyakannya berpusat di rumah, masjid dan *suffah*, namun ia telah berjaya memainkan peranannya dalam mengembangkan ilmu pengetahuan dan pendidikan Islam ke seluruh alam. Tamadun dan peradaban Islam banyak mencatatkan tentang hubungkait institusi waqaf dengan pendidikan ummah. Ia bermula dengan Baginda Rasulullah s.a.w. membeli sebidang tanah bagi pembinaan masjid daripada dua saudara yatim iaitu Sahl dan Suhail dengan harga 100 dirham. Baginda mempunyai perancangan untuk menjadikan masjid sebagai pusat pembinaan masyarakat dalam semua aspek sama ada rohani, jasmani dan aqli. Masjid adalah tempat ibadat yang turut dijadikan sebagai sebuah

---

<sup>1</sup> Pensyarah Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Pahang (wanazmi@pahang.uitm.edu.my)

<sup>2</sup> Pensyarah Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Pahang

<sup>3</sup> Pensyarah Kanan Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Pahang

<sup>4</sup> Pelajar Ph.D, Jabatan Ekonomi, Fakulti Ekonomi & Pengurusan, UKM

institusi pendidikan. Institusi pendidikan yang terawal diwakafkan oleh Rasulullah s.a.w. ialah Masjid Quba', kemudian diikuti dengan Masjid Nabawi di Madinah.

Keprihatinan baginda terhadap pendidikan telah diteladani oleh para sahabat, tabi'in dan para ulama berabad lamanya. Pelbagai institusi pendidikan telah ditubuhkan seperti *kuttab* dan madrasah. Pendidikan yang lebih sistematik dilaksanakan di zaman Khilafah Abbasiyah melalui penubuhan Madrasah al-Nizamiyyah al-Nuriyah dan al-Nasiriyah (Abdullah Ishak, 1989). Pada zaman empayar Abbasiyyah (754-1258M), Ayyubiyah (1171-1249), Mamalik (1249-1517M) dan Uthmaniyah (1258-1924M), wakaf berkembang pesat dan berjaya membangunkan banyak sekolah, perpustakaan dan universiti. Universiti al-Azhar di Kaherah merupakan salah sebuah institusi pendidikan tinggi yang dibiayai melalui sistem wakaf.

Sejarah amalan waqaf dalam pendidikan di Malaysia boleh dianggap sebagai satu tradisi positif yang berkembang dari generasi ke generasi. Amalan waqaf pendidikan terdapat dalam pelbagai bentuk dan sifat harta yang telah diwaqafkan oleh pewaqaf. Antaranya ialah waqaf asrama pelajar, waqaf biasiswa, waqaf saraan, waqaf bangunan dan waqaf peralatan pembelajaran seperti buku, meja, alatulis dan sebagainya. Harta waqaf mempunyai potensi yang besar untuk membangunkan ekonomi umat Islam dan juga membiayai kegiatan sosial masyarakat Islam. Ia mampu menyediakan peluang-peluang pendidikan, memperbanyakkan peluang pekerjaan dan mengurangkan pergantungan kepada dana kerajaan. Walau bagaimanapun, potensi tersebut hanya dapat dicapai apabila harta waqaf ditadbir dan diurus secara professional dan amanah dengan menggunakan pendekatan-pendekatan semasa dan berkesan yang berpaksikan hukum syarak. Potensi ini masih belum dijana sepenuhnya dalam membiayai pendidikan di IPTA/IPTS yang berkemungkinan berpunca daripada kekurangan dana, kekangan undang-undang, isu-isu berkaitan hukum fiqh dan kekurangan inisiatif.

## **2. PERMASALAHAN KAJIAN**

Dewasa ini persaingan untuk memasuki institusi pengajian tinggi sama ada Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) amat mencabar. Cabaran tersebut bukan hanya tertumpu kepada persaingan memiliki keputusan yang cemerlang bahkan yang lebih ketara adalah cabaran mendepani kos sara hidup sebagai pelajar di institusi pengajian tinggi. Jika dilihat secara umum, rata-rata pelajar yang menuntut samada di IPTA mahupun IPTS semuanya mempunyai latar belakang keluarga yang berbeza. Namun majoritinya adalah datang dari keluarga yang sederhana yang amat memerlukan kepada bantuan kewangan bagi meneruskan kesinambungan pembelajaran di menara gading. Sebab itu kebanyakan pelajar institusi pengajian tinggi mempunyai bantuan pendidikan samada daripada agensi kerajaan mahupun swasta seperti MARA, JPA, PTPTN, Yayasan Negeri, Zakat dan sebagainya. Namun dalam masa yang sama juga, mereka terpaksa memohon bantuan tambahan dari keluarga bagi menampung kos-kos sampingan yang lain. Sehubungan itu, kajian ini cuba merungkai permasalahan yang dihadapi oleh kebanyakan pelajar institusi pengajian tinggi samada melibatkan IPTA mahupun IPTS.

## **3. MATLAMAT/ OBJEKTIF KAJIAN**

Matlamat kajian adalah sebagaimana berikut:

- 1) Untuk mengetahui permasalahan kewangan di kalangan pelajar IPTA / IPTS
- 2) Menyediakan solusi kepada permasalahan kewangan tersebut.
- 3) Mengurangkan beban kewangan pelajar.

#### 4. KADAR YURAN PENGAJIAN ANTARA INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI SWASTA & INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI AWAM

Bagi merungkai permasalahan kos pengajian yang tinggi, kertas kerja ini mengemukakan contoh yuran pengajian peringkat diploma yang melibatkan Kolej Islam Sultan Ahmad Shah (KIPSAS) dan Universiti Teknologi MARA (UiTM) yang mewakili Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) dan Institusi Pengajian Tinggi Awam . Bagi memudahkan pemahaman terhadap isu tersebut, kajian ini menumpukan terhadap yuran asas pengajian peringkat diploma bermula dari semester pertama sehingga semester enam (3 tahun). Perbandingan kos pengajian tersebut boleh dilihat berdasarkan jadual di bawah:

Jadual 1: Kadar Yuran Pengajian Peringkat Diploma UiTM

	SEMESTER BARU	SEMESTER KEDUA	SEMESTER KETIGA	SEMESTER KEEMPAT	SEMESTER KELIMA	SEMESTER KEENAM
Yuran Pengajian	RM 200.00	RM 200.00	RM 200.00	RM 200.00	RM 200.00	RM 200.00
Tabung Kesihatan	RM 40.00	RM 40.00	RM 40.00	RM 40.00	RM 40.00	RM 40.00
Perkhidmatan	RM 115.00	RM 110.00	RM 110.00	RM 110.00	RM 110.00	RM 110.00
Tabung Amanah Sukan	RM 25.00	RM 25.00	RM 25.00	RM 25.00	RM 25.00	RM 25.00
Komputer	RM 30.00	RM 30.00	RM 30.00	RM 30.00	RM 30.00	RM 30.00
Tabung Kecemasan	RM 5.00	RM 5.00	RM 5.00	RM 5.00	RM 5.00	RM 5.00
Tabung Amanah Fakulti	RM 50.00	RM 50.00	RM 50.00	RM 50.00	RM 50.00	RM 50.00
Tabung i-Learn	RM 5.00	RM 5.00	RM 5.00	RM 5.00	RM 5.00	RM 5.00
Program Latihan Pelajar	RM 15.00	RM 15.00	RM 15.00	RM 15.00	RM 15.00	RM 15.00
<b>JUMLAH</b>	<b>RM485.00</b>	<b>RM480.00</b>	<b>RM480.00</b>	<b>RM480.00</b>	<b>RM480.00</b>	<b>RM480.00</b>

Di samping itu, pelajar yang baru mendaftar di UiTM akan dikenakan bayaran yuran bagi Pusat Islam sebanyak RM5.00 serta bayaran pendaftaran pelajar baru sebanyak RM203.00. Untuk keterangan tersebut boleh dilihat daripada Jadual 2 di bawah:

Jadual 2: Tambahan Bayaran Yuran Untuk Semester Pertama Sahaja

<b>SEMESTER PERTAMA SAHAJA</b>	
<b>PUSAT ISLAM</b>	RM 5.00
<b>PENDAFTARAN PELAJAR BARU</b>	RM 203.00
<b>JUMLAH</b>	<b>RM 208.00</b>

Berdasarkan kepada kedua-dua jadual tersebut, ianya menunjukkan bahawa seseorang pelajar yang ingin melanjutkan pengajian di UiTM memerlukan belanjawan sebanyak RM693.00 untuk semester pertama. Seterusnya perlu menampung yuran pengajian sebanyak RM 480.00 bagi setiap semester sehingga semester keenam. Jika dihitung secara mudah, yuran yang perlu dibayar bagi seorang pelajar di UiTM yang mewakili Institusi Pengajian Tinggi Awam adalah sebanyak RM3093.00. Sekali imbas boleh dikatakan amat rendah serta mampu

ditanggung oleh sesebuah keluarga, namun jika diperhalusi serta berdasarkan realiti sebenar kadar tersebut belum di campur dengan kos-kos yang lain seperti makan, rumah sewa, peralatan komunikasi, komputer dan keperluan lain yang amat diperlukan oleh seseorang pelajar.

## 5. KADAR YURAN PENGAJIAN PERINGKAT DIPLOMA DI KIPSAS

Untuk menjelaskan kadar yuran pengajian peringkat diploma di KIPSAS, kertas kerja ini hanya memfokuskan kepada yuran pengajian yang paling murah di kalangan bidang-bidang pengajian yang terdapat di KIPSAS. Antara bidang yang paling minimum kadar yurannya ialah Diploma Bahasa Arab & Tamadun Islam. Keterangan lanjut seperti jadual di bawah:

Jadual 3: Yuran Pengajian Diploma Bahasa Arab & Tamadun Islam

	SEM 1 RM	SEM 2 RM	SEM 3 RM	SEM 4 RM	SEM 5 RM	SEM 6 RM	JUMLAH RM
BAHASA ARAB & TAMADUN ISLAM	3,595.00	2,385.00	2,610.00	2,820.00	2,610.00	490.00	14,510.00

Daripada jadual di atas, kadar yuran yang dikenakan oleh pihak KIPSAS adalah merangkumi yuran pengajian, peperiksaan, asrama, perpustakaan, makmal, perubatan/ insuran. Walaupun begitu para pelajar terpaksa membuat pinjaman daripada pelbagai institusi pinjaman seperti MARA, PTPTN dan lain-lain bagi menampung kos kehidupan sebagai seorang mahasiswa mahupun mahasiswi. Jika dibuat perbandingan antara kedua institusi pengajian tinggi tersebut, jelas menunjukkan satu perbezaan yang amat ketara dari sudut bebanan kewangan yang terpaksa ditanggung oleh seseorang pelajar semasa di menara gading. Bahkan bebanan kewangan ini akan terus dialami oleh para graduan apabila menamatkan pengajian mereka kelak.

Untuk itu, perlu ada satu mekanisme baru ataupun alternatif bagi mengurangkan serta meringankan bebanan kos kewangan yang dihadapi oleh pelajar mahupun keluarga. Islam sebagai agama rahmat sememangnya telah menyediakan kerangka kewangan yang kukuh bagi menyelesaikan serta mengurangkan kemelut kewangan serta bebanan hutang umat manusia melalui sistem waqaf. Rentetan itu, para ulama telah merangka beberapa instrumen tertentu bagi memudahkan serta mengembangkan potensi sistem pendidikan agar ianya selari serta memenuhi kehendak pasaran dan dapat bersaing dengan arus globalisasi khususnya dengan memperkenalkan konsep waqaf pendidikan ini.

## 6. PELAKSANAAN WAKAF PENDIDIKAN IPT

Kajian ini mencadangkan setiap IPTA dan IPTS khasnya yang dimiliki oleh Bumiputera Muslim mengambil inisiatif menubuhkan satu unit pengurusan wakaf yang berperanan mengumpulkan dana menerusi wakaf, hibah, sedekah, wasiat dan *tabarru'* bagi membiayai pembangunan fizikal dan pembiayaan pengajian pelajar yang memerlukan di IPTA dan juga IPTS. Institusi wakaf tersebut akan menguruskan Wakaf Khas Pendidikan IPTA/IPTS masing-masing dengan ciri-ciri yang dicadangkan sebagaimana berikut:

- a. Penubuhan sebuah badan atau yayasan bagi melaksanakan konsep wakaf pendidikan di IPTA/IPTS

- b. Menjalin kerjasama erat dengan majlis agama Islam negeri sesuai dengan kapasiti majlis sebagai *'Sole Trustee'* berdasarkan Akta dan Enakmen berkenaan.
- c. Pengurusan IPT memiliki autoriti sebagai badan yang menguruskan harta wakaf tersebut (*Nazir al-Awqaf*).
- d. Ahli-ahli Lembaga Pengarah (ALP) ditentukan oleh pihak pengurusan IPT. Walau bagaimanapun MAIN perlu mempunyai wakil di dalam ALP tersebut dengan memegang *'Golden Share'*.
- e. Bertanggungjawab menguruskan kebajikan pelajar dari kalangan anak-anak yatim, anak-anak daripada keluarga yang berada di bawah garis kemiskinan bandar dan luar bandar, saudara baru dan sebagainya.
- f. Mendapatkan kelulusan dari MAIN sebagai amil zakat bertauliah dengan keistimewaan mendapat peratusan tertentu dari kategori asnaf seperti *'amil, faqir, miskin dan fi sabilillah*.
- g. Menguruskan sumbangan dari sumber-sumber lain seperti hibah, *tabarru'* dan wasiat.

## 7. PENGAGIHAN

Berdasarkan objektif penubuhan entiti wakaf khas pendidikan IPTA/IPTS yang berperanan untuk mengurangkan bebanan kos pengajian tinggi, adalah dicadangkan dana yang dikumpulkan hasil dari sumbangan masyarakat dan badan korporat akan digunakan mengikut agihan-agihan berikut:

i.	Pembiayaan dan penajaan pelajar	- 40%
ii.	Pembangunan infastruktur	- 30%
iii.	Pelaburan	- 20%
iv.	Pengurusan	- 10%


Walaupun bagaimanapun, terpujalah kepada setiap IPT mengagihkannya mengikut kaedah dan peruntukan yang bersesuaian dengan situasi masing-masing. Antara mekanisme yang dicadangkan ialah:

- i. Pembiayaan terus (basiswa) daripada dana wakaf
- ii. Perantara dengan badan korporat untuk anugerah biasiswa kepada pelajar cemerlang tetapi berasal dari keluarga yang kurang berkemampuan dari segi kewangan
- iii. Penajaan aset (e.g: komputer riba). Ini boleh dilakukan sama ada menggunakan sebahagian dari dana wakaf ataupun melalui tajaan oleh badan korporat (akan dipromosikan)
- iv. Memberi diskaun yuran kepada pelajar cemerlang tanpa mengira taraf ekonomi mereka, dan yuran yang dikurangkan itu ditampung oleh dana wakaf

## 8. MODEL PELAKSANAAN WAKAF PENDIDIKAN IPTA/IPTS

Berikut adalah model yang dicadangkan bagi pelaksanaan Waqaf Khas Pendidikan IPTA/IPTS:

Rajah 1: Model Pelaksanaan Waqaf Khas Pendidikan IPTA/IPTS



## 9. KESIMPULAN

Masyarakat Islam memikul amanah untuk menghidupkan semula amalan wakaf yang merupakan ‘amal jariyah’ yang sangat digalakkan oleh Islam. Dalam konteks pendidikan tinggi yang agak membebankan dari segi kosnya, pelaksanaan wakaf khas pendidikan IPTA/IPTS boleh mengurangkan sebahagian kos tersebut melalui sistem pemasaran, pengurusan dan pengagihan semula yang lebih efisien. Penubuhan entiti wakaf khas pendidikan IPTA/IPTS merupakan wahana untuk memartabatkan umat Islam melalui pembangunan modal insan dan pemerikasaan pendidikan mereka di peringkat yang tertinggi, supaya lebih berdaya saing dalam dunia serba kompetitif pada hari ini. Di samping itu, ia juga diharapkan dapat menjadi model sebagai satu mekanisme wakaf yang bersesuaian dengan tuntutan kontemporari.

## RUJUKAN

Kamarudin Ngah, 1992. *Isu Pembangunan Tanah Wakaf*. Kuala Lumpur: DBP.

Mahmood Zuhdi Hj. Ab Majid, 1999. *Konsep Dan Pelaksanaan Wakaf Di Malaysia*, Kuala Lumpur : Perniagaan Ria.

Osman Sabran, 2001. *Pengurusan Harta Wakaf*, Skudai : Universiti Teknologi Malaysia.

Abdul Hamid Bin Mar Iman, 1999. Mekanisma Istibdal Dan Pembiayaan Pembangunan Hartanah Wakaf. Universiti Teknologi Malaysia : *Seminar Institusi Wakaf Menuju Era Baru*.

Abdul Monir Bin Yaacob, 2004. Pengurusan Wakaf ke Arah Memantapkan Ekonomi Ummah. Fakulti Ekonomi Dan Muamalat Kolej Universiti Islam Malaysia.: *Konvensyen Sistem Ekonomi Islam*.

Azizian Bin Hamid,1999. Pentadbiran Dan Pengurusan Harta Tanah Wakaf Di Malaysia. Universiti Teknologi Malaysia: *Seminar Institusi Wakaf Menuju Era Baru*.

Kabisi, Muhammad ‘Ubayd al- (1977), *Ahkam al-Waqf Fi al-Syar‘iah al-Islamiah*, j. 1, Baghdad : Matba‘ah al-Irsyad.

Muhd Razali Agus (1992), *Pembangunan Perumahan: Isu dan Prospek*, Kuala Lumpur: DBP

Mohd Hafiz Bin Abdul Wahab, et.al (2011), “Peranan ICT Dalam Pembangunan Harta Wakaf di Malaysia”, dlm. *Asean Conferences on Scientific & Social Science Research, 22-23 June 2011*, UiTM Pulau Pinang.

Mohd Saharudin Bin Shakrani, Mohd Saifoul Zamzuri Noor, Jamal Ali (2003), “Tinjauan Isu-isu Yang Membataskan Penggunaan Wakaf Dalam Pembangunan Ekonomi Ummah di Malaysia”, *Jurnal Syariah*, Jil. 11 Bil. 2, Julai 2003

Siti Zalikhah Md. Nor (2008), “Pengurusan Wakaf Negeri-negeri di Malaysia”, dlm. *Prosiding Konvensyen Kebangsaan Pengurusan Harta Pusaka, Wasiat & Wakaf*, Peny. Mohd Zamro Muda et. al, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Sohaimi Bin Mohd Salleh (2008), “Peranan & Cabaran JAWHAR Dalam Pembangunan & Pengurusan Wakaf dan Mal”, dlm. *Prosiding Konvensyen Kebangsaan Pengurusan Harta Pusaka, Wasiat & Wakaf*, Peny. Mohd Zamro Muda et. al, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia

Surtahman Kastin Hassan dan Sanep Ahmad, (2010), *Ekonomi Islam Dasar Dan Amalan*, Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.

[www.kipsas.edu.my](http://www.kipsas.edu.my)

[www.uitm.edu.my](http://www.uitm.edu.my)

[jpt.mohe.gov.my](http://jpt.mohe.gov.my)

<http://ms.wikipedia.org>